

PRAKTIS
1

Institusi Raja Payung Negara


Tajuk
6
Warisan Negara Kita

NOTA
PINTAS


Raja Berdaulat Tonggak Kerajaan



Raja
Pemerintah tertinggi bagi sesebuah kerajaan berdaulat.
Kerajaan
Negeri atau negara yang ditadbir secara sah.



Payung Negeriku



Negeri-negeri yang mempunyai raja atau sultan

Yang di-Pertua Negeri

- Pulau Pinang
- Melaka
- Sarawak
- Sabah

Yang di-Pertuan Agong

- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Wilayah Persekutuan Putrajaya
- Wilayah Persekutuan Labuan

Yang di-Pertuan Besar

- Negeri Sembilan

Raja

- Perlis

Raja Berdaulat

Daulat

- Merupakan keistimewaan yang terdapat pada seseorang raja.
- Menjadi lambang kekuasaan dan kewibawaan raja terhadap kerajaan dan segala jajahannya.

Derhaka

- Merujuk kepada keingkaran rakyat terhadap arahan raja.
- Dalam konteks pemerintahan raja-raja Melayu, keingkaran ini akan menyebabkan seseorang ditimpa tulah atau musibah.

Raja Ditaati dan Dihormati

- Dalam buku *Sulalatus Salatin*, waadat atau perjanjian telah dimeterai antara Seri Teri Buana dengan Demang Lebar Daun.
- Waadat antara raja dan rakyat merujuk kepada rakyat perlu memberikan taat setia sepenuhnya kepada raja, manakala raja perlu mentadbir dengan adil dan saksama.
- Kesetiaan kepada raja merupakan antara prinsip yang terdapat dalam Rukun Negara yang menjadi ideologi negara.

Perubahan pada Institusi Raja

1 Zaman Kerajaan Melayu Awal

- Raja sebagai ketua kerajaan.
- Raja berkuasa mutlak.
- Raja membuat semua keputusan berkaitan dengan undang-undang dan pentadbiran.
- Raja dibantu oleh para pembesar dalam pentadbiran kerajaan.

2 Zaman Penjajahan British

- Sultan sebagai ketua negeri.
- Sultan tidak mempunyai kuasa mutlak.
- Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri baginda.
- Penasihat British dilantik bagi menguruskan hal ehwal berkaitan dengan pentadbiran negeri.

4 Selepas Merdeka Hingga Kini

- Memperkenalkan Sistem Raja Berperlembagaan.
- Kuasa sultan tertakluk di bawah Perlembagaan Negeri.
- Perdana Menteri menguruskan pentadbiran negara dan dibantu oleh Jemaah Menteri.
- Menteri Besar mengetuai pentadbiran negeri dan dibantu oleh Majlis Eksekutif.
- Selepas merdeka, institusi Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan.

3 Zaman Pendudukan Jepun

- Sultan sebagai ketua negeri.
- Sultan tidak mempunyai kuasa mutlak.
- Sultan menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu di negeri baginda.
- Gabenor Jepun menguruskan pentadbiran.

Institusi Raja di Dunia

- Corak pentadbiran yang tertua di dunia adalah pemerintahan beraja.
- Raja menjadi tonggak utama dalam sistem pemerintahan beraja.
- Kini, terdapat 43 buah negara di dunia, termasuk Malaysia masih mengamalkan institusi raja.



Bendera Ratu United Kingdom




Bendera Ratu United Denmark



Bendera Raja Maghribi



Bendera Yang di-Pertuan Agong



Bendera Raja Thailand

Bahagian A

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Apakah maksud kerajaan?

- Buku Teks ms. 4**
- A Negeri yang ditadbir secara sah
 - B Negeri yang ditadbir oleh penjajah
 - C Negeri yang tidak mempunyai sultan
 - D Negeri yang mempunyai rakyat sahaja

2. Apakah peranan sultan?

- Buku Teks ms. 4**
- A Pembantu pembesar
 - B Ketua kerabat diraja
 - C Ketua ulama
 - D Ketua negeri

3. Antara berikut, negeri yang manakah menggunakan gelaran raja?

- Buku Teks ms. 5**
- A Perak
 - B Johor
 - C Perlis
 - D Terengganu

4. Apakah gelaran ketua negeri bagi Negeri Sembilan?

- Buku Teks ms. 5**
- A Raja
 - B Sultan
 - C Yang di-Pertua Negeri
 - D Yang di-Pertuan Besar

5. Siapakah ketua negeri bagi negeri Pulau Pinang?

- Buku Teks ms. 5**
- A Menteri Besar
 - B Datuk Bandar
 - C Yang di-Pertua Negeri
 - D Yang di-Pertuan Agong

6. Siapakah yang melantik Yang di-Pertua Negeri sebagai ketua negeri?

- Buku Teks ms. 5**
- A Raja
 - B Sultan
 - C Yang di-Pertuan Agong
 - D Yang di-Pertuan Besar

7. Apakah tajuk buku yang memerihalkan waadat?

- Buku Teks ms. 6**
- A Arkib Negara
 - B *Sulalatus Salatin*
 - C Muzium Negara
 - D Hikayat Hang Tuah

8. Siapakah rakyat yang memeterai waadat dengan Seri Teri Buana?

- Buku Teks ms. 6**
- A Hang Tuah
 - B Hang Jebat
 - C Demang Lebar Daun
 - D Bendahara Tun Perak

9. Maklumat berikut berkaitan dengan derhaka.

- Buku Teks ms. 7**
- Konsep daulat dan derhaka lahir melalui waadat antara Seri Teri Buana dengan Demang Lebar Daun.

Apakah maksud derhaka?

- A Rakyat dikurniakan gelaran
- B Rakyat patuh terhadap titah raja
- C Rakyat ingkar terhadap titah raja
- D Rakyat mempunyai kewibawaan

10. Maklumat berikut berkaitan dengan derhaka.

- Buku Teks ms. 7**
- Keingkaran rakyat terhadap titah dan perintah sultan.

Apakah yang dikenakan terhadap rakyat yang menderhaka?

- A Pembalasan
- B Penghinaan
- C Hukuman
- D Denda

II. Apakah ciri-ciri raja berdaulat?

- Buku Teks ms. 7**
- I Tampan
 - II Bijaksana
 - III Berwibawa
 - IV Lemah lembut
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

12. Maklumat berikut berkaitan dengan daulat.

Buku
Teks
ms. 7

Perkataan daulat berasal daripada perkataan Arab, iaitu *daulah*.

Apakah maksud *daulah*?

- I Negeri
- II Kerajaan
- III Kekuasaan
- IV Ketua negeri
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13. Apakah peranan penasihat British pada zaman penjajahan British?

Buku
Teks
ms. 8

- A Ketua negeri
- B Berkuasa mutlak
- C Ketua agama Islam
- D Mengurus pentadbiran negeri

14. Apakah peranan Gabenor Jepun pada zaman pendudukan Jepun?

Buku
Teks
ms. 9

- A Melantik sultan
- B Ketua adat istiadat Melayu
- C Membantu sultan menguruskan pentadbiran
- D Mengurus pentadbiran negeri-negeri Melayu

15. Apakah organisasi yang membantu Menteri Besar dalam menguruskan pentadbiran negeri?

Buku
Teks
ms. 9

- A Majlis Eksekutif
- B Majlis Kehakiman
- C Majlis Perbandaran
- D Majlis Perundangan

16. Maklumat berikut berkaitan dengan pengurusan pentadbiran negara.

Buku
Teks
ms. 9

Perdana Menteri mengetuai pentadbiran negara.

Siapakah yang membantu Perdana Menteri?

- A Menteri Besar
- B Ketua Menteri
- C Jemaah Menteri
- D Penasihat British

17. Mengapakah kita perlu mempertahankan institusi raja? **KBAT** **Menilai**

- A Meningkatkan imej negara
- B Mempertahankan warisan negara
- C Meningkatkan kemakmuran ekonomi negara
- D Mengelakkan musuh daripada mencerooboh negara

18. Mengapakah institusi raja wajar dipertahankan? **KBAT** **Menilai**

- A Lambang kemakmuran negara
- B Lambang kekuatan orang Melayu
- C Lambang ketamadunan bangsa Melayu
- D Lambang kemasyhuran negeri-negeri Melayu

19. Berapakah buah negara di dunia yang masih mengamalkan institusi raja?

Buku
Teks
ms. 10

- A 41
- B 42
- C 43
- D 44

20. Apakah negara yang masih mengamalkan institusi raja?

Buku
Teks
ms. 10-11

- A Singapura
- B Australia
- C Denmark
- D Rusia

Bahagian B

Raja Berdaulat Tonggak Kerajaan

1. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah. TP 1


Buku
Teks
ms. 4

(a) Pemerintah tertinggi bagi sesebuah kerajaan berdaulat ialah Yang di-Pertuan Agong.	
(b) Kerajaan bermaksud negeri atau negara yang ditadbir secara sah.	
(c) Raja atau sultan merupakan ketua negeri yang mentadbir rakyat dan kerajaan baginda.	
(d) Institusi raja diwarisi sejak zaman Kesultanan Johor Riau.	
(e) Selepas kedatangan agama Islam, hampir semua raja Melayu menggunakan gelaran sultan.	

[5 markah]

2. Nyatakan negeri yang menggunakan gelaran ketua negeri berikut. TP 2

Buku
Teks
ms. 5



(a) _____

(c) _____

(d) _____

(b) _____

(e) _____

[5 markah]

Raja Ditaati dan Dihormati

3. Tuliskan **BETUL** atau **SALAH** pada pernyataan konsep waadat. **TP 2**

Buku
Teks
ms. 6

- (a) Asas pembentukan sikap taat setia terkandung dalam buku *Sulalatus Salatin*.
- (b) Menurut buku tersebut, waadat dimeterai antara raja, iaitu Seri Teri Buana dengan rakyat, iaitu Demang Lebar Daun.
- (c) Waadat tersebut menyaksikan rakyat berjanji untuk tidak memberi taat setia kepada raja.
- (d) Raja pula berjanji untuk memerintah rakyat dengan tidak adil.
- (e) Konsep waadat termaktub dalam prinsip kedua Rukun Negara.

[5 markah]

Raja Berdaulat

4. Lengkapkan rajah berikut dengan jawapan yang betul. **TP 1**

Buku
Teks
ms. 7

kewibawaan

keingkaran

kekuasaan

hukuman

kebijaksanaan

Daulat

(a) Lambang _____ tertinggi raja atau sultan terhadap kerajaannya.

(b) Raja atau sultan yang berdaulat mempunyai _____ dan sifat peribadi yang unggul.

(c) Raja atau sultan juga mempunyai _____ tinggi untuk memerintah.

Derhaka

(d) _____ rakyat terhadap titah dan perintah raja atau sultan.

(e) Rakyat yang menderhaka akan dikenakan _____ yang setimpal.

[5 markah]



Perubahan pada Institusi Raja

5. Lengkapkan rajah berikut tentang perubahan pada institusi raja. TP 4

Buku
Teks
ms. 8-9

Institusi raja pada zaman Kerajaan Melayu Awal

- (a) _____ negeri baginda ialah raja atau sultan.
- (b) Baginda menentukan dasar berkaitan dengan pentadbiran, perundangan, kehakiman dan hubungan _____.
- (c) Para pembesar membantu raja atau sultan dalam urusan _____ kerajaan.

Institusi raja pada zaman pendudukan Jepun

- (d) Raja atau sultan masih dikekalkan sebagai _____. Baginda tidak mempunyai kuasa mutlak dalam pemerintahan.
- (e) Baginda hanya merupakan ketua agama Islam dan _____ di negeri baginda.

[5 markah]

Institusi Raja di Dunia

6. Namakan negara yang mengamalkan institusi raja berdasarkan bendera berikut. TP 4

Buku
Teks
ms.
10-11



(a)



(b)



(c)



(d)



(e)

[5 markah]

Bahagian C

Raja Berdaulat Tonggak Kerajaan

Kerajaan bermaksud negeri atau negara yang ditadbir secara sah.

1. (a) Siapakah pemerintah tertinggi sesebuah kerajaan berdaulat? TP 2

Buku
Teks
ms. 5

[1 markah]

- (b) Namakan dua buah negeri yang menggunakan gelaran sultan. TP 2


[2 markah]

- (c) Apakah kepentingan mempertahankan kedaulatan institusi raja? KBAT Menilai

[2 markah]

Perubahan pada Institusi Raja

Peta alir berikut menunjukkan perubahan pada institusi raja.



2. (a) Nyatakan dua perubahan institusi raja pada zaman penjajahan British. TP 3

Buku
Teks
ms. 8-9

[2 markah]

- (b) Kelaskan perubahan pada institusi raja selepas merdeka hingga kini. **KBAT** Menganalisis

[3 markah]

Institusi Raja di Dunia

Pemerintahan beraja merupakan corak pentadbiran yang tertua di dunia.

3. (a) Berapakah buah negara yang masih mengamalkan institusi raja? **TP 2**

Buku
Teks
ms.
10-11

[1 markah]

- (b) Nyatakan dua buah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja. **TP 2**

[2 markah]

- (c) Apakah tanggungjawab kita sebagai rakyat terhadap institusi raja? **KBAT** Mengaplikasi

[2 markah]



Fakta Sejarah

Istana merupakan kediaman rasmi raja bagi sesebuah negara. Istana rasmi bagi Yang di-Pertuan Agong Malaysia terletak di Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur dikenali sebagai Istana Negara.

